

Mhi  
Sejak 1982

ملاک هاری این  
**MELAKA HARIINI**



*Belasungkawa*  
Ghafaar Atan  
1956 - 2021

Dapatkan  
senarai  
penuh calon  
PRN Melaka

**6&11**

#prnmelaka2021

# Melaka memilih

- **Hampir 1/2 juta rakyat Melaka mengundi Sabtu ini**
- **BN yakin dapat menarik kepercayaan rakyat**
- **Melaka "pemangkin" kebangkitan semula BN - UMNO**
- **BN sasar menang 19 kerusi - Rauf**
- **Sulaiman tetap calon KM jika BN menang - Zahid**
- **"Kalau sayang Melaka, kenapa batal HSR" - KM**
- **Keputusan PRN Melaka diketahui seawal 8 malam**

**2,3&4**



MEMOHON restu.. Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersalam dengan ibunya Temah Abu menjelang pengundian Sabtu ini. Isteri beliau Datin Seri Utama Munira M. Yusop (kiri) turut hadir. Foto: Mohd Azren Jamaludin



# Sulaiman kekal calon KM, tiada istilah 'sementara'

**MELAKA** - Barisan Nasional (BN) menepis fitnah yang cuba dimainkan pihak tertentu kononnya Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali hanya akan dilantik sebagai calon Ketua Menteri sementara.

Pengerusi BN Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menafikan wujudnya istilah sementara dalam pentadbiran ketua menteri sekiranya gabungan parti itu menang pada Pilihan Raya Negeri (PRN), Sabtu ini.

Dalam catatan di Facebook, Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO meminta pengundi agar tidak termakan dan terpengaruh dengan fitnah yang dilontarkan pihak tertentu.

"Kepada pengundi dan rakyat Melaka, jangan dengar! Janji termakan dengan fitnah.

"Manakah ketua menteri sementara sementara, ini bukan cerita main-main! Ini bukan cerita ketua kampung setengah penggal," katanya.

Dalam pada itu Ahmad Zahid turut memuji keyakinan jentera kempen BN meskipun terpaksa berdepan pelbagai fitnah dan tohongan pihak lawan.

"Saya sangat terharu mendengar perkhabaran itu, mereka terus bergerak tanpa henti. Itulah sebuah jasa dan bakti yang amat besar ertiinya.

"Ketahuilah bahawa seluruh jentera BN yang terlibat pada PRN Melaka kali ini akan tercatat dalam sejarah sebagai pemangkin kepada kebangkitan semula BN," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi BN Datuk Seri Mohamad Hasan turut menegaskan dan mengulangi bahawa Sulaiman kekal calon Ketua Menteri.

Jelasnya, jika BN diberi mandat oleh rakyat di Melaka,



AHMAD Zahid



MOHAMAD Hasan



PERWATAKAN Sulaiman yang disenangi rakyat membuatkan beliau dipilih menjadi calon Ketua Menteri mewakili BN.

Sulaiman akan mentadbir dan mengurus negeri Melaka sehingga habis penggal ke-15.

"Bila dah ada kestabilan, seorang pentadbir, ketua menteri yang didukung oleh parti dan disokong oleh rakyat, maka dia perlu menumpukan sepenuh tumpuan untuk mengurus dan mentadbir negeri.

"Tidak timbul soal ketua menteri ini sementara atau tidak kerana ia hanya mainan politik yang cuba meracun minda pengundi di Melaka oleh orang-

orang berkepentingan," katanya dalam satu rakaman video.

Justeru, Mohamad yang juga Pengarah Pilihan Raya BN untuk PRN Melaka meminta rakyat Melaka agar tidak termakan dengan fitnah dan khabar angin yang cuba untuk melemahkan parti itu sepanjang musim berkempen yang sedang berlangsung kini.

"Kepada pengundi-pengundi rakyat Melaka, BN telah memutuskan bahawa calon kita Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali

yang akan kita lantik untuk mengurus negeri Melaka untuk jangka masa satu penggal, lima tahun.

"Jadi, jangan dengar khabar angin memandangkan sepanjang tempoh berkempen, macam-macam fitnah yang keluar.

"Itulah penerangan saya supaya rakyat tak termakan fitnah orang yang hendak memutar belitkan fakta dan melemahkan BN," katanya.

Sebelum ini, Ahmad Zahid dan Mohamad masing-masing

mengumumkan Sulaiman sebagai 'poster boy' BN dan calon tunggal Ketua Menteri sekiranya BN dipilih mentadbir Melaka.

Pengumuman itu dibuat pada pelancaran jentera BN dan diulangi sekali lagi sewaktu pelancaran Manifesto BN: Kestabilan Demi Kemakmuran pada 10 Nov lalu.

Pemilihan itu dibuat berikutnya Sulaiman dilihat sebagai pemimpin yang disenangi rakyat Melaka selain bebas daripada sebarang isu.

## Bekas ADUN Asahan, Ghafaar Atan meninggal dunia

**AYER KEROH** - Bekas Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan meninggal dunia pada 17 Nov.

Allahyarham yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan menghembuskan nafas terakhir di Hospital Melaka pada usia 65 tahun.

Sebelum ini, Allahyarham dimasukkan ke hospital sejak dua minggu lalu selepas dijangkiti COVID-19.

Bagaimanapun, kesihatannya semakin merosot sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 1.04 tengah hari.

Jenazah Allahyarham disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Asa-

han yang diuruskan sepenuhnya oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Khabar duka pemergian Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah itu menerima reaksi daripada pemimpin negeri dan negara ini.

Antara yang berkongsi rasa sedih ialah Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang menyifatkan dia sebagai kehilangan besar buat kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Katanya, Allahyarham juga dianggap seperti abang yang banyak memberi tunjuk ajar dalam dunia politik.

"Sumbangan besar Allahyarham sebagai wakil rakyat di Dewan Undan-

gan Negeri (DUN) Asahan selama dua penggal dari tahun 2013-2021, selain DUN Gadek 2004-2013 telah meninggalkan kesan yang cukup mendalam kepada negeri dan rakyat Negeri Melaka," katanya.

Selain itu, Pengerusi BN, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi turut berkongsi ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

"Pemergian beliau secara tiba-tiba sangat memberi kesan kepada kita semua yang masih meneruskan perjuangan demi kemenangan parti pada PRN Melaka kali ini.

"Semoga rohnya dirahmati Allah dan ditempatkan bersama para Kekasih-Nya di alam sana," katanya.

إِنَّمَا قَوْنَانِيَّةُ الْجَمَعِ

"Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."



Datuk Seri Abdul Ghafar Atan

Bekas EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Merangkap Bekas ADUN Asahan

1956 - 2021

Daripada



@ www.melakahariini.my

f @ Melaka Hari Ini

o Melaka TV

# Menara telekomunikasi antara 10 janji Sulaiman

**LENDU** - Pembinaan menara telekomunikasi di Kem 96 Depot Pangkalan Peluru (DPP) Masjid Tanah antara kandungan 10 insentif manifesto Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu.

Calonnya, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kemudahan yang akan dibina dalam kem terbabit memberi kemudahan jaringan buat 400 keluarga tentera dan penduduk di sekitarnya.

Jelasnya, pembinaan itu perlu dilaksanakan berikutan kawasan itu sukar menerima jaringan liputan telekomunikasi yang lancar.

"Akibat daripada perintah kawalan pergerakan (PKP), semua aktiviti terhenti sehingga sekolah juga terhenti, jadi anak-anak mereka kalau belajar di rumah melalui online, mereka memerlukan capaian internet yang bagus untuk pembelajaran dari rumah."

"Ada dalam kalangan isteri tentera ini merupakan juga seorang guru, jadi jika waktu malam bila dia nak hantar laporan, mereka terpaksa datang ke Masjid Tanah, terpaksa mencari tempat yang ada liputan sekali gus menyukarkan mereka, apakah lagi dalam tempoh PKP," katanya ke-

pada Melaka Hari Ini.

Justeru, katanya, bagi merasakan hasrat itu, beberapa langkah telah diambil termasuk mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kementerian Pertahanan.

Ia bagi mengenal pasti koordinat yang sesuai untuk dibangunkan menara telekomunikasi di kem tersebut.

"Saya telah pun menghantar surat dan memaklumkan kepada Tan Sri Annuar Musa (Menteri Komunikasi) mengenai permasalahan yang berlaku di kem peluru ini dan dia juga telah meluluskan.

"Insya-Allah apabila kedua-dua kelulusan ini dah buat, saya akan menggarahkan pihak MICTH (Melaka ICT Holding Sdn Bhd) untuk mendirikan menara telekomunikasi ini dan pihak MICTH sedang berurusan dengan syarikat telco yang boleh meletakkan transmitter mereka di situ," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, selain memperkasa kemudahan telekomunikasi dan jaringan internet di Lendu, pelbagai inisiatif lain akan ditawarkan buat rakyat di kawasan itu sekiranya diberi mandat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Jelasnya, inisiatif itu akan



SULAIMAN mengedarkan manifesto BN N04 di sekitar Lendu.

memanfaatkan pelbagai golongan termasuk belia di Lendu.

"Untuk golongan muda, antara yang ditawarkan ialah mewujudkan pusat internet secara percuma di kawasan Kompleks Japerun Lendu dan Bandar Masjid Tanah.

"Selain daripada saya kata saya nak buat (pusat) e-sports, extreme sports dan sebagainya..ini akan memberi peluang kepada

orang-orang muda bersukan dan beriadah," katanya.

Selain itu dalam Manifesto BN N04 Lendu, antara tawaran terkandung termasuklah menambah baik infrastruktur awam termasuk jaringan jalan raya; menambah baik saliran dan perparitan bagi mengatasi isu banjir; mencari dan mewujudkan potensi produk pelancongan dan riadah; serta memperbanyakkan tempat-

tempat berniaga.

Pada masa sama, Sulaiman juga berhasrat menyediakan kemudahan ambulan percuma; menyediakan bantuan pengurusan jenazah; insentif anak guru, tentera, polis dan veteran diberi keutamaan kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) milik kerajaan negeri dan mewujudkan Anjung Emas sebagai pusat aktiviti warga emas.



RAUF bergambar bersama penduduk di Tanjung Bidara.

## BN sasar menang 19 kerusi - Rauf

**TG BIDARA** - Barisan Nasional (BN) menyasarkan menguasai 19 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Sabtu ini, bagi membentuk kerajaan negeri.

Pengerusi BN Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata jumlah berkenaan termasuk 13 kerusi yang di menangi BN pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Kita memenangi 21 kerusi pada PRU13 (yang) lepas. Faktor-faktor itu semasa, domestik dan itu peringkat persekutuan mempengaruhi masyarakat ketika itu dan beri kemenangan kepada pihak lawan.

"Tetapi walaupun dalam suasana tsunami kita masih bertahan dengan 13 kerusi yang kita menang

pada PRU14.

"Jadi kita akan bertahan dengan 13 kerusi ini sebaik mungkin dan menambah enam kerusi untuk menjamin kekuatan kita membentuk kerajaan negeri," katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka.

Pada PRU14, BN menang 13 daripada 28 kerusi DUN yang ditandinginya berbanding 21 kerusi pada PRU13 dan bagi PRN ini, UMNO bertanding 20 kerusi, MCA (tujuh) dan MIC (satu).

Sejumlah 28 kerusi dipertandingkan pada PRN kali ini dan 15 kerusi diperlukan untuk penubuhan kerajaan negeri menerusi majoriti mudah.

- BERNAMA

## Cadang bangunkan IPT di Lendu

**LENDU** - Pembinaan sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu akan diperjuangkan jika Barisan Nasional (BN) terus diberi mandat.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, usaha itu bagi memastikan kawasan itu terus berkembang pesat, seiring dengan hasrat membangunkan sebuah IPT di setiap DUN dalam Parlimen Masjid Tanah.

Beliau yang juga calon BN Lendu berkata, pembinaan IPT itu juga terkandung dalam manifesto yang dipersembahkan buat rakyat di kawasan ditandingi beliau pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Sabtu ini.

"Di Parlimen Masjid Tanah, semua DUN ada institut pengajian tinggi, Kuala Linggi ada Akademi Laut Malaysia (ALAM), Tanjung Bidara ada matrikulasi (Kolej Matrikulasi Londang), Ayer Limau ada Kolej Profesional MARA, IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara) (manakala) di Taboh Naning ada Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) .

"Saya pejuang (kan) sejak dulu...DUN Lendu ni tak ada satu pun institut pengajian awam mahupun swasta. Kalau saya diberi mandat kali ini, saya akan terus memperjuang akan ada satu institut pengajian tinggi yang akan dibina

"Di Lendu ada Universiti Teknologi MARA (UiTM) tapi ia bukan dalam DUN Lendu sebaliknya dalam (DUN) Rembia, nama saja Lendu, tapi Lendu tak ada satu pun IPT," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Justeru sekiranya terus diberi peluang, beliau akan memperjuangkan kewujudan IPT di Lendu kerana ia bukan sahaja membantu ekonomi setempat, bahkan membangunkan sektor pendidikan di kawasan itu.

"Institut pengajian tinggi yang ada (disasarkan) pelajarnya di kawasan itu antara 3,000 hingga 4,000 orang dan kehadiran pelajar-pelajar ni akan juga memberi pulangan kepada rakyat tempatan khususnya dalam DUN Lendu," ujarnya.

# 'Kalau sayang Melaka, kenapa batalkan HSR?'

Faiz Hasan

**RIM** - "Kalau betul Abah sayang Melaka kenapa perlu batalkan projek HSR sehingga kita kena bayar RM320 juta (kepada Singapura) apabila terbatas projek ini?", soal Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sulaiman melahirkan rasa kesal kerana projek keretapi berkelajuan tinggi (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura yang bakal memberi limpahan ekonomi kepada rakyat dan negeri ini dibatalkan oleh mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika tumpuk pimpinannya sebelum ini.

"Begitu juga kalau sayangkan Melaka, sayangkan rakyat Melaka, patut teruskan projek ini ke Singapura

supaya melihat limpahan ekonomi di Melaka memandangkan ia (projek HSR) ada connectivity dari stesen di Melaka, dihubungkan pula ke Melaka sentral.

"Di Melaka Sentral nanti kita boleh buat lagi jalan penghubung ke koridor ekonomi pesisir pantai kita iaitu Melaka Waterfront Economic Zone (MEWEZ).

"Dahulu, saya juga pernah pohon untuk lebar dan panjangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) Batu Berendam dengan jumlah RM200 juta tapi dia kata tidak ada duit.

"Jadi kalau kata abah sayangkan Melaka, saya tak nampak," katanya kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui menyantuni jentera BN, di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau meluahkan rasa kesal di atas pembatalan itu yang akan memberi kesan dari sudut pelancongan.

Ia berikutnya pelancong Singapura merupakan antara kadar kemasukan pelancong tertinggi ke Melaka sebelum ini.

"Apabila projek landasan kereta api laju ini se-pertimana yang dicadang oleh Datuk Seri Najib Razak dulu, saya melihat di Melaka boleh kembali menjadi negeri yang hebat, sebab ramai pelancong dari Singapura akan datang ke Melaka.

"Apabila pelancong-pelancong nanti akan datang daripada Singapura ke Melaka (menaiki HSR), ia akan mengurangkan kesesakan terutamanya sistem pengangkutan di negeri

Melaka ini.

"Jadi di jajaran yang ada di Melaka ini, kita akan adakan pembangunan kiri dan kanan. Banyak peluang-peluang perniagaan, banyak pembangunan yang boleh kita bina nanti," ujarnya.

Tambahnya lagi, negeri ini akan turut menerima manfaat daripada peningkatan pertukaran mata wang asing.

"Pulangan ekonomi itu tinggi dengan kehadiran pelancong dari Singapura datang ke Melaka dengan nilai dolar Singapura.

"Bukan saya nak kata Ringgit Malaysia itu rendah, tidak. Tetapi dolar Singapura boleh berbelanja ke sini dengan nilainya lebih tinggi, terutama dalam kaedah pertukaran wang asing," katanya.



**SULAIMAN** dalam sidang media selepas menyantuni jentera BN di Rim.

## Ramai kesal 'Abah' batalkan HSR KL-S'pura

Liana Sahabudin, Fiqqah Jamal & Siti Salehah

**AYER KEROH** - Banyak pihak menzahirkan rasa kecewa di atas pembatalan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur ke Singapura yang dibuat oleh kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini.

Antara yang meluahkan rasa kesal ialah Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Kecil Melayu Negeri Melaka yang menganggap pembatalan tersebut sebagai merugikan.

Menurut Yang Dipertua Dato Zaleha Bujang, projek HSR disifatkan penting kerana ia bakal membawa limpahan ekonomi kepada rakyat dan sektor pelancongan negeri ini, sekali gus memberi tempias kepada peniaga.

"Pada saya memang tak sepatutnya dibatalkan projek HSR sehingga ke Singapura, limpahan ekonomi ini memang patut diperluaskan...maksudnya (bila dibatalkan) kita sudah sekat ekonomi dari segi pelancongan.

"Sedangkan kita memang mengharapkan pelancong-pelancong dari luar negara seperti Cina, malah Singapura ini juga seperti luar negara yang akan mendatangkan impak ekonomi.

"Jika projek HSR ini hanya sampai ke Johor Bahru sudah tentu menjadi kerugian juga untuk Negeri Melaka sebab negeri kita sebagai 'bypass' sahaja kepada pengunjung," katanya.



**ZALEHA**



**SAZALI**



**MADELINA**

kepadanya Melaka Hari Ini.

Justeru, beliau menyambut baik usaha Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang mahu memperjuangkan projek HSR KL-S'pura itu diteruskan semula sekiranya diberi mandat untuk mentadbir negeri ini.

Dalam pada itu, noda sama turut disuarakan oleh Pengurus Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Melaka, Sazali Sabri

yang meluahkan rasa terkilan apabila Melaka bakal hilang satu manfaat besar dari sudut ekonomi.

Sebagai pemain industri pelancongan, beliau melihat, sekiranya projek tersebut dapat diteruskan ke Singapura, Melaka akan mendapat banyak manfaat selain meningkatkan nilai harta-han di bumi bertuah ini.

"Kesal, amat kesal, sepatutnya kita dapat limpahan man-

faat apabila projek itu diteruskan ke Singapura, namun apabila dibatalkan, kita hilang satu nikmat untuk menarik pelancong dari Singapura ke Melaka.

"Saya yakin, pembinaan HSR ini sendiri akan menjimatkan banyak masa, jadi pelancong dari Singapura hendak melancong ke Melaka tidak perlu bersesak dalam kesesakan lalu lintas untuk melancong ke

**“ Jika ada HSR sudah pasti ia akan memudahkan pelancong dari Singapura masuk terus ke Melaka dan (bila dibatalkan) kita sudah tidak dapat 'volume' yang sepatutnya kita terima khususnya membabitkan pelancong yang datang secara berkumpulan. ”**

Melaka.

"Selain itu, antara manfaat lain, ramai yang menetap di Melaka mampu berulang alik ke ibu kota (Kuala Lumpur) dengan jimatnya selain nilai hartanah di Melaka akan melonjak tinggi," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Madelina Kuah pula menyifatkan projek HSR dapat menambah kemasukan pelancong khususnya yang berkecimpung dari Singapura.

Memandangkan ia telah dibatalkan, katanya, sedikit sebanyak akan turut memberi kesan kepada pemain industri pelancongan pada masa akan datang.

"Jika ada HSR sudah pasti ia akan memudahkan pelancong dari Singapura masuk terus ke Melaka dan (bila dibatalkan) kita sudah tidak dapat 'volume' yang sepatutnya kita terima khususnya membabitkan pelancong yang datang secara berkumpulan," katanya.

Sebelum ini, Malaysia dan Singapura memutuskan pembatalan projek HSR selepas tempoh penangguhan projek itu berakhir hujung Disember tahun lalu.

Laluan kereta api sejauh 350 kilometer yang pada mulanya telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak pada 2013 itu akan bergerak dari stesen terminal pusat bandar Kuala Lumpur keterimal di Jurong East, Singapura, selain turut melibatkan hentian di Melaka.

DUN Sungai Udang

# Janji bantu penduduk Sungai Udang terpinggir

**SUNGAI UDANG** - Isu penduduk di Sungai Udang di sini yang 'terpinggir' terutama dari aspek kebajikan dan bantuan, akan menjadi satu fokus utama bagi calon Barisan Nasional (BN).

Calon BN Sungai Udang Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad berkata, itu akan menjadi agenda penting sekiranya mendapat mandat rakyat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 Nov ini.

Beliau yang juga Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Melaka berkata, isu tersebut perlu dipandang serius, kerana penduduk terlibat merupakan pengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Udang dan berhak menikmati keistimewaan sebagai penduduk di kawasan itu.

Menyifatkan keadaan itu sebagai tidak wajar berlaku dan tidak adil kepada penduduk terlibat, beliau yang selesa digelar Cikgu Ali sedia membantu apa jua masalah yang dihadapi penduduk.

"Mereka masih sebahagian daripada pengundi di DUN Sungai Udang walaupun taman perumahan dan kampung tersebut telah digazetkan sebagai kawasan di dalam DUN Lendu, disebabkan persempadan semula kawasan pilihan raya.

"Sebagai wakil rakyat kita perlu memberikan perkhidmatan kepada rakyat, walaupun mereka bukan tinggal di dalam DUN yang kita wakili dan ia sebahagian daripada tanggungjawab seorang wakil rakyat," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Klebang pada 13 Nov lalu.

Sebelum ini, media melaporkan penduduk di dua taman perumahan dan sebuah kampung di sini, memohon kepada kerajaan



CIKGU Ali beramah mesra bersama masyarakat setempat.

agar menyelesaikan masalah taman dan kampung mereka yang 'terpinggir', ekoran persempadan semula kawasan pilihan raya pada tahun 2018.

Penduduk taman dan kampung, Rahmat Jalil dilapor berkata ekoran persempadan, Taman Indah, Taman Terendak Heights dan Perkampungan Tanah Merah, dimasukkan

dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu di bawah daerah Alor Gajah, namun penduduknya pengundi kawasan DUN Sungai Udang.

Menurut Rahmat 'kelainan' itu menyebabkan penduduk di tiga kawasan berkenaan sukar mendapatkan bantuan daripada wakil rakyat, Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) dan pihak berkuasa tempatan, kerana pihak tersebut turut keliru dengan situasi tersebut.

Dalam pada itu, Mohamad Ali yang juga Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu berkata isu bagi tiga kawasan berkenaan akan diteliti semula dan rayuan akan dibuat agar tiga pemimpin itu diletakkan di bawah DUN Sungai Udang, sekiranya cadangan persempadan kawasan pilihan raya dilakukan sekali lagi pada masa akan datang.

Beliau berkata isu lain yang dibangkitkan penduduk di DUN Sungai Udang seperti kemudahan jalan raya, fasiliti kesihatan dan pendidikan turut akan diberi perhatian bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

Sungai Udang terletak dalam kawasan Parlimen Tangga Batu, selain wujud Kem Terendak yang merupakan kem tentera, Penjara Sungai Udang dan Loji Penapisan Petronas dengan jumlah pengundi berdaftar sebanyak 22,866 orang dan 9,577 orang daripadanya adalah tentera dan polis, yang juga pengundi awal.

PRN Melaka pada 20 Nov ini bakal menyaksikan saingan empat penjuruh antara Mohamad Ali, Dr Mohd Aleef Yusof (Perikatan Nasional), Hasmorni Tamby (Pakatan Harapan) dan Mejar Jeneral (B) Datuk Mohd Zahar Hasim (Bebas). - BERNAMA.

## Penduduk Sungai Udang pilih Cikgu Ali

### SUNGAI UDANG

"Orang luar setakat datang dan pergi sahaja," itu luanan penduduk Sungai Udang berhubung calon yang akan dipilih mereka menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada Sabtu ini.

Rata-rata penduduk di kawasan itu menyatakan sokongan terhadap calon anak tempatan yang tinggal di situ bukannya calon dari luar yang tidak selalu ada bersama mereka untuk mendalami pemasalahan dihadapi.

Nama Cikgu Ali tidak asing dan begitu dekat dengan penduduk di situ apabila kebanyakkan mereka tanpa berselindung menyatakan sokongan terhadap Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad yang juga calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undan-

gan Negeri (DUN) Sungai Udang untuk memimpin kawasan itu.

Menurut Tok Sidang Kampung Bertam Ulu, Rosli berkata, karakter Mohamad Ali yang peramah dan baik hati membuatkan rakyat berbilang kaum menyenangi be-

liau.

"Baru-baru ini ada yang datang kepada saya dan bertanya sama ada Cikgu Ali masuk bertanding atau tidak, dan individu itu memberitahu kita perlu sokong dia," katanya.

Kenalan beliau, Faridah Mohamad pula menyifatkan calon Sungai Udang itu seorang yang terbuka dan suka membantu penduduk dalam kesusahan.

"Dia seorang yang tegas namun banyak membantu dan ketika kita minta bantuan dengannya dia tidak banyak membantu selain susah untuk melihat dia marah," katanya.

Sementara itu, Mohamad Ali yang juga Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu berkata, sekiranya diberi mandat ia adalah satu amanah dan tanggungjawab wajib digalas bertepatan dengan seruan Islam agar pemimpin wajib melunaskan tanggungjawab.

"Menjadi Yang Berhormat (YB) kita kenakan bikhidmat untuk rakyat kalau tidak dapat beri perkhidmatan tidak layak (jadi YB).

"Berdasarkan pengalaman pendekatan secara tidak formal dilihat akan dapat menjalinkan hubungan akrab. Kali ini (pendekatan) secara tidak formal dengan memanggil JPKK setiap kampung, golongan anak muda, belia yang tiada persatuhan ini kita duduk bersama dua bulan atau tiga bulan sekali di warung dan berbincang apa masalah dan kehendak masyarakat," katanya.

Mohamad Ali turut mengumumkan tujuh janji kepada penduduk Sungai Udang sekiranya diberi mandat kelak iaitu menyediakan tapak perniagaan tersusun untuk peniaga dan penjaja kecil, membina stadium mini untuk kegunaan masyarakat, membuka Kolej Oil&Gas Petronas untuk anak tempatan, menaik taraf Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-Ahmadi sebagai kolej Islam, membina masjid baru di Sungai Udang dan Bertam Ulu dan mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Sungai Udang serta menyediakan tanah wakaf.



CIKGU Ali sebagai penduduk tempatan di Sungai Udang disenangi penduduk.



## SENARAI CALON PRN NEGERI MELAKA

PERIKATAN  
BERSATU



HARAPAN


**N01: KUALA LINGGI: MELAKA: 10,928**

1.	Rosli Abdullah(BN-UMNO)	
2.	Julasapiyah Kassim(PH-Amanah)	
3.	Kamisan Palil(Bebas/IND)	
4.	Aziah Mohd Sa'ad(PN-PAS)	

(2018: Datuk Ismail Othman:  
BN-UMNO: Maj: 1,372)

**N02: TANJUNG BIDARA: MELAKA: 10,133**

1.	Datuk Mas Ermieyati Samsudin(PN-Bersatu)	
2.	Zainal Hassan(PH-PKR)	
3.	Datuk Seri Ab Rauf Yusoh(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Md Rawi Mahmud:  
BN-UMNO: Maj: 2,864)

**N03: AYER LIMAU: MELAKA: 11,227**

1.	Hameed Mytheen Kunju Basheer(BN-UMNO)	
2.	Mazenah Baharuddin(PH-Amanah)	
3.	Dr. Nordina Abd Latif(PN-Bersatu)	

(2018: Datuk Amirudin Yusof: BN-UMNO: Maj: 1,479)

**N04: LENDU: MELAKA: 10,561**

1.	Abdullah Mahadi(PN-Bersatu)	
2.	Mohamad Asri Ibrahim(PH-PKR)	
3.	Datuk Seri Sulaiman Md Ali(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Seri Sulaiman Md Ali:  
BN-UMNO: Maj: 627)

**N05: TABOH NANING: MELAKA: 8,661**

1.	Abu Hashim Abdul Samad(PN-PAS)	
2.	Zulkifle Mohd Zin(BN-UMNO)	
3.	Zairi Suboh(PH-Amanah)	

(2018: Datuk Latipah Omar:  
BN-UMNO: Maj: 740)

**N06: REMBIA: MELAKA: 15,756**

1.	K.Murali(Bebas/IND)	
2.	Zamri Pakiri(PH-PKR)	
3.	Sabarudin Kudus(Bebas/IND)	
4.	Datuk Muhammad Jailani Khamis (BN-UMNO)	
5.	Zamzuri Arifin(PN-Bersatu)	

(2018: Datuk Muhammad Jailani Khamis:  
PH-PKR: Maj: 1,814)  
(2021: Menyertai/Joined BN-UMNO)

**N07: GADEK: MELAKA: 12,641**

1.	P. Shanmugam(BN-MIC)	
2.	Azafen Amin(Bebas/IND)	
3.	Laila Norinda Maon(Putra)	
4.	Mohan Singh(Bebas/IND)	
5.	Mohd Amir Fitri Muhamram(PN-Bersatu)	
6.	G. Saminathan(PH-DAP)	

(2018: G. Saminathan: PH-DAP: Maj: 307)

**N12: PANTAI KUNDOR: MELAKA: 15,469**

1.	Mohamad Ridzwan Mustafa(PN-Bersatu)	
2.	Datuk Nor Azman Hassan(PH-Amanah)	
3.	Tuminah Kadi @ Mohd Hashim(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Nor Azman Hassan: BN-UMNO: Maj: 772)  
(2021: Menjadi Bebas/Became IND)

**N13: PAYA RUMPUT: MELAKA: 26,455**

1.	Datuk Rais Yasin(BN-UMNO)	
2.	Datuk Seri Shamsul Iskandar Md. Akin(PH-PKR)	
3.	Muhammad Faris Izwan Mazlan(PN-Bersatu)	
4.	Mohamad Hashidi Mohd Zain(Putra)	
5.	Mohd Jaini Dimon(Bebas/IND)	

(2018: Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen:  
PH-Bersatu: Maj: 4,259)  
(2020: Menjadi PN-Bersatu/Became PN-Bersatu)

**N14: KELEBANG: MELAKA: 19,976**

1.	Bakri Jamaluddin(PN-PAS)	
2.	Datuk Lim Ban Hong(BN-MCA)	
3.	Datuk Gue Teck(PH-PKR)	

(2018: Datuk Gue Teck: PKR: Maj: 789)

**N15: PENGKALAN BATU: MELAKA: 20,821**

1.	Muhamad Danish Zainudin(PH-DAP)	
2.	Mohd Azrudin Md Idris(PN-Bersatu)	
3.	Datuk Norhizam Hassan Baktee(Bebas/IND)	
4.	Dr Mohd Aluwi Sari(Putra)	
5.	Datuk Kalsom Nordin(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Norhizam Hassan Baktee: PH-DAP:  
Maj: 2,756) (2020: Menjadi Bebas/Became IND)

### KEPUTUSAN PRN MELAKA

PARTI	JUMLAH KERUSI
<b>BARISAN NASIONAL</b>	
<b>PAKATAN HARAPAN</b>	
<b>PERIKATAN NASIONAL</b>	
<b>PUTRA</b>	
<b>BEBAS</b>	
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



Melaka Tv

Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

## FATWA KEBANGSAAN

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah DIBOLEHKAN dalam Islam.  
Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu.

## Jawatankuasa Induk Penyeiarasan Pembinaan Masjid Pulau Besar

**Penangung**  
TYT Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam  
Yang di-Pertua Negeri Melaka

**Penasihat**  
YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj. Sulaiman bin Md Ali  
Pengerusi MAIM

**Pengerusi**  
YB Dato' Ts Kamel Mohamad  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

**Timb. Pengerusi**  
Y.Bhg Datuk Wira Md Rawi bin Mahmud  
Timbalan Pengerusi MAIM

**Setiausaha**  
Y.Bhg Dato' Che Sukri bin Che Mat  
Pengarah JAIM

**Ahli**

Y.Bhg S.S Datuk Wira Hj Abdul Halim bin Tawil  
*Mutli Kerajaan Negeri Melaka*

Y.Bhg Datuk Salinah binti Salleh  
*Tim. Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)*

Y.Bhg Datuk Md Azhan bin Samat  
Pengarah, Pejabat Tanah & Galian Melaka

Y.Bhg Datuk Ir. Ismail bin Abd Rahman  
Pengarah, Jabatan Kerja Raya

Y.Bhg Datuk Hj Azmi bin Hussain  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka

Y.Bhg Datuk Shamsul Ambia bin Abdul Aziz  
Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah

Y.Bhg Hajji Azhar bin Yaacob  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Setiausaha, Majlis Agama Islam Melaka

Y.Bhg Hajji Muhammad Ikram bin Ibrahim  
Setiausaha, Majlis Agama Islam Melaka

Y.Bhg En. Ibraam bin Rosli  
Ketua Bahagian,  
Bahagian Khidmat Pengurusan, JAIM

Y.Bhg Hajji Mohd Sharif bin Somathulla  
Pengurus Balifulmal, Majlis Agama Islam Melaka

Y.Bhg Encik Norazmi bin Hussin  
Penolong Setiausaha, Bhg. Pembangunan Hartanah MAIM

Y.Bhg Jeriza binti Jauhari @Sukumaran  
Ketua Seksyen Wakaf, MAIM

## BORANG SUMBANGAN WAKAF

i) Nama : .....

ii) No. Kad Pengenalan : .....

iii) Alamat Surat-Menyurat : .....

iv) Tel (R) : ..... Tel (B) : .....

v) Emel : .....

## Penyataan Wakaf :

"Saya ..... dengan ini mewakafkan wang tunai melalui Cek/Bank Draft/ Wang Pos/Kiriman Wang/Bayaran Tunai\* di atas nama "Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka" bagi pihak :

- diri sendiri sebanyak RM .....  
 Almarhum / Almarhumah :  
 a) ..... sebanyak RM .....  
 b) ..... sebanyak RM .....  
 suami / isteri ..... sebanyak RM .....  
 lain-lain (nyatakan) ..... sebanyak RM .....

Jumlah diwakafkan : RM .....  
(Ringgit Malaysia : .....).

No. Akaun : 04015010078877 (Bank Islam Malaysia Berhad)  
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Untuk maklumat lanjut,  
Sila hubungi Seksyen Wakaf MAIM di talian

06-283 7416 / 06-283 2077 / 06-284 9809  
(samb.110)

Ustaz Ahmad Ataillah bin Zakariah

SAHAM WAKAF  
PEMBINAAN MASJID  
PULAU BESAR MELAKA

## PENGENALAN

Cadangan Pembinaan Masjid di Pulau Besar adalah hasil cetusan idea oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Majlis Pelancaran Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar ini telah diadakan di Auditorium Al-Azim, Bukit Palah, Melaka yang disempurnakan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 19 Oktober 2021 bersamaan 12 Rabiulawal 1443H sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1443H/2021M.

## MAKLUMAT PROJEK


**NAMA PROJEK :**  
Membina Dan Menyiapkan  
Masjid Pulau Besar,  
Mukim Pernu, Melaka Tengah, Melaka

**LOKASI TAPAK :**  
Berhadapan Lot 1870, Mukim Pernu,  
Melaka

**ANGGARAN KOS PROJEK :**  
Antara RM 20 hingga RM 22 Juta

**BILANGAN JEMAAH :**  
500 Jemaah (Ruang Solat Utama),  
1,000 Jemaah (Dataran Terbuka)

**NO. AKAUN :**  
04015010078877  
(Bank Islam Malaysia Berhad)  
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid  
Pulau Besar Melaka)




## KONSEP SENIBINA

Bersesuaian dengan kedudukannya di lautan, konsep rekabentuk Masjid adalah berdasarkan rekabentuk moden yang menggambarkan bentuk "Nautilus Shell".

Masjid ini direkabentuk secara terbuka bagi memastikan masjid mendapat pengudaraan secara semulajadi serta pemandangan 360 darjah ke arah laut terbuka.

Sementara itu, hiasan geometri Islam turut disematkan pada rekabentuk luaran yang menggambarkan keindahan seni Islam manakala kalligrafi kufi moden dijadikan hiasan utama dinding kaca dan hiasan jaringan besi.



# CALON BARISAN NASIONAL



**ROSLI ABDULLAH**  
**N.01 KUALA LINGGI**



**DATO SERI ABDUL RAUF YUSOH**  
**N.02 TANJUNG BIDARA**



**DATUK HAMEED MYTHEEN KUNJU  
BASHEER**  
**N.03 AYER LIMAU**



**ZULKIFLI MD ZIN**  
**N.05 TABOH NANING**



**DATUK MUHAMMAD JAILANI  
KHAMIS**  
**N.06 REMBIA**



**P. SHANMUGAM V. PTCYHAY**  
**N.07 GADEK**



**ZAHARI ABDUL KALIL**  
**N.09 DURIAN TUNGGAL**



**FAIRUL NIZAM ROSLAN**  
**N.10 ASAHLAN**



**DATO' SERI HAJI MOHAMAD ALI  
MOHAMAD**  
**N.011 SUNGAI UDANG**



**DATUK RAIS YASIN**  
**N.13 PAYA RUMPUT**



**DATUK LIM BAN HONG**  
**N.14 KELEBANG**



**DATUK HAJAH KALSUM NORDIN**  
**N.15 PENGKALAN BATU**



**DATUK WIRA HASNOOR SIDANG  
HUSIN**  
**N.17 BUKIT KATIL**



**DATUK RAHMAD MARIMAN**  
**N.18 AYER MOLEK**



**LEONG HUI YING**  
**N.19 KESIDANG**



**MOHD NOOR HELMY ABD HALEM**  
**N.21 DUYONG**



**LEE KAH SEAN**  
**N.22 BANDAR HILIR**



**DATUK ABDUL RAZAK ABDUL  
RAHMAN**  
**N.23 TELOK MAS**



**DATUK KHAIDHIRAH ABU ZAHAR**  
**N.25 RIM**



**DATO MOHD ZAIYI ATTAN**  
**N.26 SERKAM**



**DR. MUHAMAD AKMAL SALEH**  
**N.27 MERLIMAU**



**DATUK SERI UTAMA HAJI  
SULAIMAN MD ALI**  
**N.04 DUN LENDU**



**NGWE HEE SEM**  
**N.08 MACHAP JAYA**



**TUMINAH KADI @ MOHD HASIM**  
**N.12 PANTAI KUNDOR**



**YONG FUN JUAN**  
**N.16 AYER KEROH**



**BENJAMIN LOW CHING HONG**  
**N.20 KOTA LAKSAMANA**



**DATUK KOH CHIN HAN**  
**N.24 BEMBAN**



**SITI FAIZAH ABDUL AZIS**  
**N.28 SUNGAI RAMBAI**

DUN Rembia

# Jailani tekad majukan ekonomi Rembia

Fiqah Jamal

**REMBIA** - Calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis menawarkan enam manifesto pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov ini.

Beliau berkata, elemen perumahan dan ekonomi menjadi antara teras yang akan diangkat mengambil kira pelbagai penambahbaikan yang telah dilakukan ketika beliau menjadi wakil rakyat di kawasan terbabit.

Katanya, sepanjang sepenggal menjadi wakil rakyat di situ, antara isu yang dihadapi ialah masalah kemis-

kinan penduduk luar bandar terdiri dari pelbagai kaum di situ.

"Masalah utama sepenggal lalu adalah masalah kemiskinan luar bandar bagi ketiga-tiga kaum (Melayu, India dan Cina) yang mana jika diberi mandat, saya akan bangunkan ekonomi di sini (Rembia) pelbagai perancangan bagi membasmikan kemiskinan yang berlaku di DUN tersebut."

"Selain itu, saya akan memastikan lebih banyak projek perumahan rakyat bagi golongan B40 dibina di Rembia ini," katanya dalam sidang media semalam.

Mengulas lanjut, mengenai gerak kerja sepanjang

berkempen dalam PRN kali ini, beliau hanya mampu bertemu kira-kira 20 peratus sahaja penduduk Rembia, akibat kekangan prosedur operasi standard (SOP).

"Setakat ni hanya 20 peratus tapi dalam minggu ini, sebab waktu yang terhad selain kekangan SOP untuk berjumpa dengan pengundi."

"Paling tidak pun mungkin berjumpa secara kebetulan ketika bersarapan sebab kalau nak berinteraksi dengan berceramah pun tidak boleh."

"Jadi, apa yang boleh kita lakukan ialah kita akan cetak laporan pencapaian dan hantaran dalam kotak pos dari rumah ke rumah," katanya.



MUHAMMAD Jailani menunjukkan pencapaian sepanjang 3 tahun 4 bulan semasa menjadi wakil rakyat di DUN Rembia.



RAHMAD gemar menaiki motosikal untuk memasuki kampung dan mengenal pasti masalah rakyat di Ayer Molek.

DUN Ayer Molek

## Naik motosikal, cari masalah rakyat

Siti Salehah

**Ayer Molek** - "Saya mungkin tidak janjian bulan dan bintang tetapi saya janjian perkhidmatan. Motto saya ialah beri kerja, saya kerjakan," itu kata calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman.

Beliau yang juga penyandang Dun itu berkata, beliau lebih gemar bergerak sendirian untuk melihat dan mengenal pasti masalah yang dihadapi penduduk sebelum mengambil langkah penyelesaian.

"Saya suka meninjau kawasan DUN dengan menaiki motosikal di waktu malam hari untuk meninjau permasalahan atau isu di kawasan saya. Kadang-kadang saya bersendirian, orang tidak tahu pun."

"Manapun yang saya rasa ada isu yang bakal mendatangkan masalah atau isu, saya akan ambil langkah menyelesaiannya tanpa menanti aduan daripada penduduk atau mana-mana pihak," katanya.

Exco Kesihatan dan Antidadah negeri itu berkata, beberapa fokus termasuk masalah banjir dan mengusahakan ta-

nah terbair akan diberikan perhatian demi kebaikan penduduk sekiranya beliau masih diberi mandat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada Sabtu, ini.

"Saya mahu mengusahakan kawasan tanah terbair menjadi kawasan pertanian untuk menghasilkan sumber makanan kepada penduduk memerlukan."

"Selain itu juga, pemasalan banjir kilat yang sering menghantui penduduk juga antara yang akan selesaikan dan menyelesaikan masalah ini boleh diselesaikan pada 2023," katanya.

DUN Duyong

## Calon BN mudah mesra, ringan tulang

**DUYONG** - Meskipun berbeza budaya dan agama, namun sifat mudah mesra ditampilkan calon Barisan Nasional (BN) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong membuatkan penduduk di kawasan itu tidak segan silu untuk memohon bantuan diperlukan.

Sifat dimiliki Mohd Nor Helmy Abdul Halem itu membuatkan beliau disenangi ramai termasuk seorang penduduk asal Duyong yang dikenali sebagai Uncle Wong.

Uncle Wong yang sudah berusia 84 tahun berkata, setiap kali orang ramai mengadu kepadanya mengenai kesusahan dialami, dia akan menasihatkan supaya berjumpa dengan Mohd Nor Helmy bagi mendapatkan bantuan.

"Dia (Mohd Nor Helmy) bukan sahaja bantu dari segi bantuan kewangan, tetapi kalau ada borang permohonan yang memerlukan penyelesaian serta

masalah-masalah lain, dia akan bantu," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Nor Helmy berkata, meskipun berbeza agama dan budaya, namun kekuatan untuk membangunkan negara yang ada dalam BN menguatkan lagi semangat untuk terus membantu rakyat.

"Lihat saja gelagat Uncle Wong yang sentiasa memberi sokongan kepada Helmy. Itulah istimewanya BN yang telah berjaya menjadikan perbezaan agama, bangsa dan budaya sebagai kekuatan membangunkan negara lebih 60 tahun yang lalu."

"Kita harus terus menjaga keharmonian dan kemakmuran Keluarga Malaysia untuk masa depan yang lebih sejahtera," katanya.

Pada PRN kali ini Mohd Helmy yang baru pertama kali dicalonkan BN mempertaruhkan 'tagline' - Helmy Janji, Helmy Jaga, Duyong Kita.



TERPANCAR kemesraan di antara Helmy dan Uncle Wong.

**KELUARAN KHAS**

18 NOVEMBER 2021 MELAKA HARIINI 11

**SENARAI CALON PRN NEGERI MELAKA**

**INFOGRAFIK PRN MELAKA 2021**

**KERUSI TUMPUAN**

**CALON MUDA**

**N04 LENDU (10,561)**

1. Abdullah Mahadi(PN-Bersatu)
2. Mohamad Asri Ibrahim(PH-PKR)
3. Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali(BN-UMNO)

(2018: Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali: BN-UMNO: Maj: 627)

**N02 TANJUNG BIDARA (10,133)**

1. Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin(PN-Bersatu)
2. Zainal Hassan(PH-PKR)
3. Datuk Seri Ab Rauf Yusoh(BN-UMNO)

(PRU 18: Datuk Md Rawi Mahmud: BN-UMNO: Maj: 2,864)

**N27 MERLIMAU**

Dr Muhamad Akmal Saleh(BN-UMNO)  
33 tahun

**N16: AYER KEROH: MELAKA: 25,945**

1. Datuk Seri Micheal Gan Peng Lam(PN-Gerakan)
2. Kerk Chee Yee(PH-DAP)
3. Yong Fun Juan(BN-MCA)

(2018: Kerk Chee Yee: PH-DAP: Maj: 9,261)

**N17: BUKIT KATIL : MELAKA: 25,410**

1. Datuk Hasnoor Sdg Husin(BN-UMNO)
2. Abdul Hamid Mustapah(Bebas/IND)
3. Adly Zahari(PH-Amanah)
4. Muhammad Al Afiz Yahya(PN-PAS)

(2018: Adly Zahari: PH-Amanah: Maj: 3,159)

**N18: AYER MOLEK: MELAKA: 17,863**

1. Datuk Rahmad Mariman(BN-UMNO)
2. Ahmad Muaz Idris(Bebas/IND)
3. Mohd Fadly Samin(PN-Bersatu)
4. Mohd Rafee Ibrahim(PH-PKR)

(2018: Datuk Rahmad Mariman: BN-UMNO: Maj: 1,805)

**N19: KESIDANG: MELAKA: 37,304**

1. Seah Shoo Chin(PH-DAP)
2. Patrick Ng Chin Kae(PN-Gerakan)
3. Leong Hui Ying(BN-MCA)

(2018: Seah Shoo Chin (Allex Seah): PH-DAP: Maj: 14,612)

**N23: TELOK MAS: MELAKA: 20,712**

1. Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen(PN-Bersatu)
2. Muhammad Ariff Adly Mohammad(Bebas/IND)
3. Datuk Ashraf Mukhlis Minghat(PH-Amanah)
4. Datuk Abdul Razak Abdul Rahman(BN-UMNO)

(2018: Datuk Noor Effandi Ahmad: PH-Bersatu: Maj: 1,288)  
(2021: Menjadi Bebas/Became IND)

**N24: BEMBAN: MELAKA: 18,573**

1. Dr Mohd Yadzil Yaakub(PN-Bersatu)
2. Azmi Kamis(Bebas/IND)
3. Ng Choon Koon(Bebas/IND)
4. Tey Kok Kiew(PH-DAP)
5. Datuk Koh Chin Han(BN-MCA)

(2018: Datuk Dr Wong Fort Pin: PH-DAP: Maj: 1,345)

**N25: RIM: MELAKA: 13,672**

1. Azalina Abdul Rahman(PN-Bersatu)
2. B. Prasanth Kumar(PH-PKR)
3. Datuk Khaidhirah Abu Zahar(BN-UMNO)

(2018: Datuk Ghazale Muhamad: BN-UMNO: Maj: 536)

**N26: SERKAM: MELAKA: 15,977**

1. Norazlanshah Hazali(Bebas/IND)
2. Ahmad Bilal Rahudin(PN - PAS)
3. Muhammad Khomeini Kamal(PH - Amanah)
4. Datuk Zaidi Attan(BN - UMNO)

(2018: Datuk Zaidi Attan: BN-UMNO: Maj: 2,737)

**N27: MERLIMAU: MELAKA: 14,014**

1. Azrin Ab Majid(PH-Amanah)
2. Dr Muhamad Akmal Saleh(BN-UMNO)
3. Abd Alim Shapie(PN-PAS)

(2018: Datuk Roslan Ahmad: BN-UMNO: Maj: 130)

**N28: SUNGAI RAMBAI: MELAKA: 11,837**

1. Muhammad Jefri Safry(PN-Bersatu)
2. Farzana Hayani Mohd Nasir(PH-PKR)
3. Nazatul Asyraf Md Dom(Putra)
4. Siti Faizah Abdul Azis(BN-UMNO)

(2018: Datuk Hasan Abd Rahman: BN-UMNO: Maj: 1,669)

DUN Paya Rumput

# Rais fokus perkasa ekonomi rakyat

Siti Salehah

**PAYA RUMPUT** - Masalah ekonomi rakyat antara fokus utama yang akan diangkat sekiranya Barisan Nasional (BN) dipilih dan diberi tanggungjawab menerajui kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput.

Calonnya, Datuk Rais Yasin berkata, BN mempunyai perancangan ekonomi yang baik dan ia dapat membantu naik taraf kehidupan masyarakat setempat, selain membuka lebih banyak peluang pekerjaan buat anak muda.

Beliau berkata, selain itu masalah banjir kilat dan juga capaian internet juga diberi perhatian khusus kerana kedua-dua permasalahan ini memberi impak besar kepada penduduk setempat.

"Masalah utama di Paya Rumput ini selain banjir kita juga mempunyai masalah ekonomi rakyat. Seperti kita lihat demografi di sini adalah

'semi urban', banyak anak-anak muda yang sedang berniaga termasuk penjaja dan juga usahawan lain.

"Jadi saya rasa isu ini dan anak-anak muda kehilangan pekerjaan antara isu utama perlu diangkat, malah saya turut merancang (untuk) mewujudkan 'up-town' kerana ia akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat jika dipilih kelak," katanya.

Menurut Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tangga Batu itu, penyelarasan amat penting dalam menyelesaikan se suatu permasalahan rakyat kerana beberapa pihak perlu duduk bersama bagi mencari penyelesaian.

"Contohnya isu banjir, ia tidak mudah tetapi tidak juga susah kerana perlunya ada kerjasama di peringkat Japerun untuk memanggil semua agensi terbabit melihat apa punca yang berlaku.

"Bagaimana nak me-

nyolesaikan nya, adalah dengan cara penyelarasan kerana situasi dan apa yang berlaku di setiap lokasi tidak sama. Jadi ia bukan hanya membabitkan pihak berkuatkuasa tempatan (PBT) tetapi perlunya pejabat wakil rakyat menyelaras bagaimana menyelesaikan sesuatu isu," katanya.

Mengulas lanjut, Rais yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO berkata, pemilihan calon wakil rakyat dalam kalangan anak jati perlu diberi perhatian kerana calon ini lebih dekat dengan penduduk dan memahami apa sebenarnya yang berlaku.

"Saya tidak merendahkan calon-calon lain kerana kita ingin bertanding secara sihat. Kalau misal kata calon dari luar ini saya rasa mungkin kesukaran untuk mereka berkhidmat.

"Berbeza pula dengan saya, saya adalah anak tempatan dan tinggal di sini.



RAIS bergambar dengan peniaga di sekitar Paya Rumput.

Saya tidak sanggup melihat sahabat-sahabat dan penduduk di sini banjir. Dua jam

hujan banjir," katanya.

Ujar beliau, untuk memenangi hati rakyat per-

saingan secara sihat adalah perlu tanpa memburukkan calon yang lain.

DUN Klebang

# Perjuang PPR, atasi kesesakan Klebang



BAN Hong melihat PPR Klebang yang sudah lama terbengkalai.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KLEBANG** - Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong bertekad memperjuangkan semula Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Klebang Kecil sekiranya diberi mandat semula oleh rakyat.

Beliau meluahkan rasa kecewa projek yang sepatutnya siap pada akhir 2018 itu sehingga kini terbengkalai dan tidak diperjuangkan pimpinan terdahulu.

"Saya bawa masuk projek ini pada 2016 dan ia sepatutnya boleh disiapkan pada hujung 2018 tetapi saya difahamkan oleh penduduk setempat projek ini tergenda sehingga kini.

"Ini merupakan PPR fasa pertama di Klebang yang mana kita ada 255 unit rumah dan ikut perancangan akan ada fasa kedua dan ketiga lagi di Klebang yang akan kita bangunkan PPR bagi membantu rakyat mendapatkan rumah.

"Jadi, jika kita diberi mandat saya memberi jaminan akan memperjuangkan perkara ini termasuk berjumpa dengan pihak berkaitan seperti kementerian, kerajaan negeri dan pemaju sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui mengadakan lawatan ke tapak PPR Klebang Kecil, pada 13 Nov lalu.

Mengulas lanjut, Ban Hong yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, selain PPR, beliau juga akan memperjuangkan lebih banyak rumah mampu milik (RMM) dibina di Klebang.

Katanya, projek perumahan mesra rakyat seperti PPR dan RMM sangat penting bagi membantu orang muda dan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Pada masa sama, katanya, masih kesesakan trafik di Klebang terutama ketika hujung minggu juga akan diberi penekanan.

Beliau berjanji akan memperjuangkan semula projek jalan pesisir pantai yang pernah direncana sebelum ini untuk diteruskan.

"Semasa saya menjadi ADUN Klebang dahulu, saya memang nampak Klebang akan menjadi sebahagian daripada projek jalan pesisir pantai ini."

"Saya percaya, sekiranya projek itu dilulus dan dilaksanakan, ia bukan sahaja mengurangkan kesesakan di Klebang, bahkan untuk seluruh Melaka," katanya.

## DUN Merlimau

# Dr Akmal mahu wujudkan '*floating market*'

**MERLIMAU** - Pembinaan pasar terapung atau '*floating market*' di kuala Sungai Merlimau menjadi antara agenda yang akan dilakukan calon Barisan Nasional, Dr Muhamad Akmal Saleh sekiranya diberi mandat oleh penduduk kawasan itu.

Katanya, ia merupakan sebahagian daripada agenda memperkasa pelancongan yang terkandung dalam aku janji beliau kepada rakyat pada Pilihan Raya Negeri Melaka.

"Di Merlimau, banyak tarian yang boleh kita bangunkan terutama dalam sektor eko pelancongan bagi membangun serta memperkasa ekonomi penduduk di sini," katanya dalam satu hantaran video di laman Facebook rasminya.

Mengulas lanjut aku janji yang ditawarkan, Dr Akmal berkata, pihaknya juga merancang untuk membangunkan sebuah '*ekstrem park*' untuk anak muda

serta pusat rekreasi keluarga di kawasan itu.

Katanya, ia membolehkan anak muda serta keluarga di Merlimau mempunyai satu tempat khusus untuk melakukan aktiviti sukan dan riadah.

"Selain itu, pembinaan rumah mampu milik juga menjadi antara aku janji yang di sertakan kerana saya mahu memastikan rakyat di Merlimau mampu membeli rumah yang selesa dan memiliki sekurang-kurangnya satu rumah.

"Pada masa sama, saya juga berjanji untuk menaik taraf capaian internet di Merlimau memandangkan masih terdapat beberapa kawasan yang tidak mendapat capaian internet berkelajuan tinggi," katanya lagi.

Dalam pada itu, Dr Akmal turut memberi jaminan akan memastikan projek tebatan banjir di Merlimau akan disegerakan sekiranya terpilih menjadi wakil rakyat.



DR Akmal (dua dari kiri) menyantuni peniaga di Pasar Merlimau.

## DUN Rim Dira mahu ketengah bakat sukan dari Rim

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**RIM** - Infrastruktur serta fasiliti sukan dan rekreasi di Rim bakal menjadi antara agenda yang akan diberi perhatian Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Calon Barisan Nasional (BN) Rim itu berkata, sekiranya diberi mandat oleh rakyat, beliau akan memperjuangkan agar fasiliti sukan seperti gelanggang futsal, takraw, badminton dan padang bola sepak dinaik taraf.

Ia penting kerana menurutnya, dengan fasiliti serba lengkap ia dapat membantu mengetengahkan lebih ramai bakat sukan dari kawasan itu yang sememangnya mempunyai potensi besar.

"Di Rim, kita ada banyak potensi bakat-bakat muda dalam bidang sukan seperti bola sepak, futsal, sepak takraw, badminton dan lain-lain.

"Jadi sudah tentulah perlunya infrastruktur sukan yang baik di kawasan ini kerana dengan adanya fasiliti lengkap, saya percaya kita dapat menggilap bakat lebih ramai anak muda.

"Dengan cara ini juga kita dapat mengentengahkan lebih ramai bakat sukan di



DIRA Abu Zahar

peringkat negeri dan negara suatu hari nanti," katanya kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui di Chin Chin, di sini.

Khaidhirah atau lebih dikenali dengan nama Dira Abu Zahar berkata, selain infrastruktur sukan, beliau juga akan memberi penekanan kepada isu air berpanjangan serta capaian internet di kawasan itu untuk diselesaikan.

"Saya tak kata saya boleh buat '*magic*' tetapi saya akan cuba mempercepat serta menyelesaikan masalah masyarakat di Rim.

"Insya-Allah jika diberi mandat dan apabila tiba waktu saya masuk ke pejabat pada 21 Nov nanti, saya akan usahakan semua perkara-perkara ini," katanya.

## DUN Sungai Rambai Faizah perjuang capaian internet berkelajuan pantas

**SUNGAI RAMBAI** - Barisan Nasional (BN) berjanji untuk menyediakan capaian internet berkelajuan pantas di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai sekiranya diberi mandat mentadbir negeri ini.

Calon BN Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Azis berkata, perkara itu termasuk dalam manifesto yang akan diperjuangkannya kepada rakyat di kawasan itu.

Katanya, memandangkan Sungai Rambai dikategorikan sebagai kawasan luar bandar, capaian inter-

net sangat diperlukan dalam era digital masa kini.

"Dalam era serba pantas ini, dalam saya menyantun warga Sungai Rambai, kita sedar capaian internet yang pantas adalah keperluan buat masa sekarang.

"Berikan kami (BN) peluang, dan kami akan buktikan aku janji atau manifesto kami mewujudkan pusat internet percuma di bawah kerajaan negeri di setiap Japerun dan pekan kecil.

"Sekalung penghargaan ke-

pada semua jentera BN yang bertungkus lumus dalam usaha memastikan Barisan Nasional menang di PRN Melaka ini," katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Dalam pada itu, Siti Faizah berkata, selain capaian internet, BN juga bertekad untuk membantu peniaga di sekitar Sungai Rambai.

Ujarnya, bagi menyokong kelangsungan perniagaan, BN akan menyediakan insentif dan bantuan modal bagi membantu usahawan dan peniaga yang memerlukan.



SITI Faizah (dua dari kiri) ingin memastikan capaian internet di Sungai Rambai ditambah baik.

## DUN Telok Mas

# Razak dekat di hati rakyat

**Fiqqa Jamal**

**TELOK MAS** - "Walaupun kalah, kita buat kerja macam kita 'menang' di Telok Mas ini, masyarakat boleh menilai, pengundi pilihlah dengan bijak," ujar Calon Barisan Nasional (BN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Katanya, umum mengetahui beliau tewas pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) lalu, namun beliau tidak patah semangat malahan bekerja buat warga Telok Mas seolah-olah beliau memenangi pilihan raya terabit.

Disebabkan itu beliau menyifatkan kekangan dalam berkempen mengikut prosedur operasi standard (SOP) bukan satu masalah yang besar.

Jelasnya, hal itu kerana sejak dari dahulu lagi beliau telah mendekati rakyat menggunakan pelbagai medium malah kebanyakannya penduduk di kawasan tersebut juga sudah

mengenali beliau yang juga merupakan anak jati Telok Mas.

"Dulu kita boleh berceramah secara terbuka, walkabout, ziarah rumah kerumah tapi sejak SOP yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan nasihat Kementerian Kesihatan ianya tidak boleh dilakukan.

"Namun bukan satu masalah besar kepada saya kerana selama ini saya telah mendekati rakyat sejak Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 lagi dan saya tidak berhenti.

"Jadi untuk berjumpa dengan rakyat di Telok Mas ini bukan satu perkara baharu yang saya lakukan kerana saya sentiasa bersama dengan warga Telok Mas jadi dengan kekangan kempen ini bukan satu masalah besar kepada saya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Razak turut mengumumkan 10 manifesto bagi DUN Telok Mas yang diberi nama 10 Janji Razak.

Antara janji yang terkandung ialah untuk kekal setia bersama BN bagi kestabilan demi kemakmuran, memberi perhatian kepada peniaga-peniaga kecil tempatan, membaik pulih dan menyelenggara fasiliti sukan serta menjadikan dan mempromosikan DUN Telok Mas sebagai lubuk pelancongan makanan ikan bakar.

Selain itu beliau juga akan menyediakan kemudahan WiFi di balai raya, surau dan masjid bagi kegunaan masyarakat setempat dan memberi perhatian kepada golongan petani dan nelayan serta memastikan balai raya dibuka bagi tujuan aktiviti kemasyarakatan. Pada masa sama, tuisyen percuma juga akan diberikan di sekolah-sekolah Telok Mas untuk murid-murid yang menduduki peperiksaan awam, selain bantuan 'one-off' bagi murid cemerlang peperiksaan awam dan pemberian 100kg beras bagi setiap perkahwinan kali pertama.



ABDUL Razak selesa menyantuni rakyat di Telok Mas.



ALONG (dua dari kiri) giat menyantuni masyarakat di Asahan.

## DUN Ayer Keroh

# Calon BN sedia serah separuh elaun

**Norizan Abdul Muhib**

**AYER KEROH** - Calon Barisan Nasional (BN) Ayer Keroh, Yong Fun Juan sedia menyerahkan separuh bayaan elaun wakil rakyat yang diterimanya kepada penduduk kawasan itu yang memerlukan bantuan.

Itu janji Fun Juan sekiranya beliau diberi mandat oleh penduduk kawasan itu pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 Nov ini demi membuktikan komitmen

dan mengutamakan kepentingan masyarakat.

Menurutnya, beliau memahami setiap permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kawasan itu terutamanya banjir yang sekian lama membelenggu rakyat dan yakin melalui pelaksanaan manifesto BN itu berkenaan akan diselesaikan dalam tempoh lima tahun.

"Jika saya diberi mandat sebagai wakil rakyat DUN Ayer Keroh, satu tabung kebajikan DUN Ayer Keroh akan

diwujudkan dan saya terlebih dahulu menyerahkan separuh elaun wakil rakyat ke dalam tabung ini bagi kegunaan penduduk Ayer Keroh yang memerlukan bantuan segera," katanya.

Mengulas lanjut, menurut Fun Juan, manifesto yang diumumkan BN adalah yang terbaik untuk rakyat memandangkan ia bersifat menyeluruh dan tidak meminggirkan mana-mana golongan.

"Rakyat boleh menilai sendiri komitmen BN melalui

tawaran manifesto yang mana menyediakan 103 inisiatif pelaksanaan pelbagai projek berbanding PH yang hanya menawarkan 30 inisiatif.

"Dari situ, kita sudah nampak bagaimana BN serius dalam usaha untuk memulihkan ekonomi dan hasrat membangunkan Melaka malah kita menawarkan kemudahan serta projek kemudahan yang lebih baik serta praktikal dan menyeluruh meliputi segenap lapisan masyarakat," katanya.



FUN Juan menunjukkan manifesto yang ditawarkan kepada rakyat Ayer Keroh.

# Eye on Malaysia

## Kembali Semula Ke Melaka



"Gondola setinggi 55 meter ini diharap akan membawa satu lagi produk baru untuk industri pelancongan Melaka yang menerima 18 juta pelancong setahun," jelas beliau.

Mengenai Marina Melaka, beliau memberitahu kos projek yang menelan belanja RM24.3 juta itu diempatkan di Muara Sungai Melaka dengan kemudahan antaranya kompleks pejabat dan sistem pontun dengan 52 tempat berlabuh.

Selain itu, ia mengandungi tempat simpanan dan tempatan bot, dermaga kering, landskap dan sebagainya.

KKLS atau Straits Yacht Club (SYC) ditubuhkan pada 30 Oktober lalu dengan tujuan merancang dan menjalankan aktiviti berkaitan sukan pelayaran serta perkapanan di kalangan ahli.

Ia juga mempromosi, menggalakkan dan membangunkan sukan serta perkapanan di peringkat kelab.

Selain itu, ia bertujuan untuk memilih pelayar untuk mewakili kelab dalam mana-mana pertandingan sukan pelayaran dan perkapanan.

KKLS ditubuhkan juga untuk bergabung dengan badan perwakilan di peringkat daerah dan menjalankan aktiviti kebajikan masyarakat selaras dengan aktiviti kelab terbabit.

Kini, selain gondola Eye On Malaysia, KKLS menyediakan perancangan baru dengan kemudahan seperti rumah kelab, marina, restoran, surau, galeri, ruang pejabat dan bilik persalinan yang dijangka siap dibina hujung tahun 2022.

**MELAKA :** Kelab Kapal Layar Selat (KKLS) akan membawa semula Eye On Malaysia ke Melaka bagi menggalakkan industri sukan pelayaran bagi sektor pelancongan maritim.

Perancangan terbabit adalah antara pelbagai usaha akan dilaksanakan oleh kelab terbabit bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke Melaka.

Presiden KKLS, Datuk Zool Hilmi Abdul Ghaffar berkata kelab terbabit dalam perancangan menaikkan aktiviti pelancongan Melaka antaranya membina gondola ferris wheel dikenali sebagai Eye On Malaysia di Marina Melaka pada tahun 2022.

Menurut beliau, Melaka dipilih untuk menempatkan ferris wheel kerana ia terletak di lokasi strategik dan kawasan parkir yang luas.

"Ferris wheel mempunyai 36 gondola diimport dari Belanda dan boleh memuatkan 144 orang sekali pusingan serta mampu membawa sekitar 1,000 penumpang sejam."



Datuk Zool Hilmi Abdul Ghaffar  
Presiden  
Kelab Kapal Layar Selat (KKLS)



Ilustrasi Imej Tapak Kapal Layar



Ilustrasi Imej Tapak Eye On Malaysia



Ilustrasi Imej Tapak Eye On Malaysia



Ilustrasi Imej Tapak Eye On Malaysia



Kemudahan Yang Disediakan




Kemudahan Yang Disediakan



Kemudahan Yang Disediakan



Kemudahan Yang Disediakan



Lokasi



Lokasi

# Sukan

MELAKA HARIINI



## Semangat Jasin ke pentas Olimpik

**PEMENANG pingat emas acara angkat berat wanita, Hidilyn Diaz sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua rakyat Melaka yang banyak berjasa dalam membantunya mencipta sejarah buat Filipina meraihkan emas dalam temasya Olimpik Tokyo 2020.**

Katanya, penghargaan itu khusus diberikan kepada orang Jasin, terutamanya penduduk Kampung Kesang Tua yang membenarkannya berlatih di situ apabila terkandas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac tahun lalu.

"Terima kasih kepada penduduk di sini yang sanggup memberikan saya fasiliti berlatih termasuk gimnasium dan tempat tinggal sejak berada di Melaka bagi mempersiapkan diri untuk Sukan olimpik.

"Pengorbanan saya yang terpaksa menjalani latihan dalam keadaan serba kekurangan di Kampung Kesang Tua,

Jasin, akhirnya berbaloi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjung hormat ke atas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Datin Sapiyah Haron, di Vista Alamanda MPJ, baru-baru ini.

Kunjung hormat tersebut turut disertai bapa angkat yang juga jurulatih jaguh berkenaan Ahmad Janius Abdullah, 50 dan barisan atlet serta barisan pelapis sukan angkat berat di Melaka.

Sepanjang berada di MPJ, Hidilyn yang lebih mesra dengan panggilan Hidi itu begitu teruja kerana dapat mengadakan lawatan ke bangunan Vista Alamanda MPJ.

Jaguh angkat berat berusia 30 tahun itu turut meluangkan masa berbual dan beramah mesra dengan warga kerja MPJ serta pelanggan yang turut berurusan di MPJ.

Sebelum ini, Hidi dilaporkan akan membangunkan se-

buah pusat latihan di kampung tersebut dengan dana peribadi berjumlah RM 100,000 daripada pihaknya, selain menyeri pihak lain tampil memberikan sumbangan.

Pada 15 Nov, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tampil menyatakan kesediaan untuk menyalurkan peruntukan bagi menambah baik pusat latihan angkat berat di berkenaan bagi membangunkan sukan angkat berat di negera ini.

Hidi, anak jati Zamboanga City, Filipina mencetus fenomena di Melaka selepas berjaya merangkul pingat emas pada temasya Olimpik Tokyo 2020 selepas terkandas akibat sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan kerajaan susulan penularan wabak COVID-19.

Kejayaannya itu bukan sahaja menjadi kebanggaan keluarga angkatnya di Kampung Kesang Tua, bahkan turut membanggakan negeri Melaka.